



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Tunas Super: Bukan Puteri Sempurna

PTS Media Group tampil menerbitkan sebuah lagi karya bersiri animasi Tunas Super yang bertajuk *Bukan Puteri Sempurna*. Buku fiksi ini dikarang oleh seorang penulis Tunas Super, iaitu Khairul Nur Ayuni Rodzan Khairull. Beliau adalah peserta yang terpilih daripada program Penulis Tunas Super yang dianjurkan oleh PTS. Program ini bermula pada tahun 2013 dan setakat ini melahirkan 27 orang penulis cilik dari pelbagai negeri. Penghasilan buku ini adalah karya kedua bagi penulis yang meminati bidang penulisan selepas novel pertamanya *Arrogant Girl* dihasilkan.

Siri animasi ini adalah cerita fiksi yang menarik untuk dibaca. Penulis mendapat idea untuk bercerita mengenai kisah seorang puteri yang hidup di dalam istana. Kisah ini juga tidak hanya berkisarkan kehidupan mewah dan bahagia seorang puteri istana. Namun, ia turut diselitkan dengan konflik takhta kerajaan puteri itu yang ingin dirampas. Antara tajuk-tajuk menarik yang ada dalam buku ini adalah *Hai, Saya Icah*, *Majlis Hari Lahir Linda*, *Puteri Raja?*, *Puteri Raja Cindai Emas?*, *Kehidupan Tidak Dijangka*, dan *Berjumpa Bonda Asyikin*.

Siri baru ini sesuai untuk dibaca oleh pelajar terutama pelajar sekolah rendah. Buku ini juga dihasilkan dengan kaver menarik yang sepadan dengan cita rasa golongan kanak-kanak. Siri animasi ini juga bukan sekadar cerita rekaan yang hanya memberi keseronokan kepada pembacanya. Karya ini juga padat dengan nilai-nilai murni dan pengajaran yang dapat memberi kesedaran kepada pembaca. Elemen kebaikan dan kejahatan yang diterapkan oleh penulis mudah difahami oleh pembaca terutama golongan kanak-kanak.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my